

## Muhammad Uthman El-Muhammady Dalam Pemikiran Politik *Muhammad Uthman El-Muhammady in Political Thought*

Mohd Ammyrul Ashraf Sairan<sup>1</sup> & Shukri Ahmad<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pelajar PhD, Universiti Utara Malaysia, [ammyashraf@ymail.com](mailto:ammyashraf@ymail.com)

<sup>2</sup>Pensyarah, Universiti Utara Malaysia, [shuk@uum.edu.my](mailto:shuk@uum.edu.my)

\*Penulis Penghubung: Mohd Ammyrul Ashraf Sairan

Artikel diterima: 20 Ogos 2019

Selepas Pembetulan: 30 September 2019

Diterima untuk terbit: 15 November 2019

### Abstract

*This article discusses about Muhammad Uthman El-Muhammady's thought which an observation of his philosophy in political thought is. His political thought can be expressed in three important components in namely as Nationhood, Partisan, Leadership and Administration. The discussion also focuses on the concept of democracy in Islam, spirit of asabiyyah and nationalism, and good governance from the Islamic perspective. Using a qualitative approach, this study is based on two methods of assessment, namely data collection and data analysis. In the data collection methods are used to collect data that has related to Politic's El-Muhammady. In the process of data analysis, deductive methods are used to generate or collect information continuously to clarify the problems studied. The study found that El-Muhammady's political thought influence by traditional philosophy Islamic Ahli Sunnah Wal-Jamaah.*

**Keyword:** *El-Muhammady, political thought, nationhood, partisan, leadership.*

### Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang pemikiran Muhammad Uthman El-Muhammady dalam konteks falsafah politiknya. Pemikiran politik beliau dapat di bahagikan kepada tiga komponen penting iaitu kenegaraan, kepartian, kepimpinan dan pentadbiran. Perbincangan juga akan terarah kepada konsep demokrasi secara Islam, kepentingan semangat Nasionalisme dan asabiyyah, serta *good govenance* dari kaca mata Islam. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan cara pengumpulan data dan analisis data. Dalam kaedah pengumpulan data, penulis mengumpulkan data-data yang mempunyai perkaitan dengan politik El-Muhammady. Kaedah deduktif turut diguna pakai untuk mengumpulkan maklumat bagi menjelaskan masalah yang dikaji. Hasil kajian mendapati bahawa pemikiran politik El-Muhammady sentiasa berpaksikan kepada aliran tradisional Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

**Kata kunci:** *El-Muhammady, pemikiran politik, kenegaraan, kepartian, pemimpin.*

## 1.0 Pengenalan

Muhammady Uthman El-Muhammady menyumbang pelbagai idea dalam pemikiran Islam. Kebanyakan penulisan yang dihasilkan oleh beliau sama ada dalam bidang falsafah mahupun puisi adalah bertujuan untuk membawa umat Islam keluar daripada kemunduran dan mengatasi sikap kepasifan dan konservatif dalam kehidupan yang begitu mencabar pada hari ini. Penelitian terhadap penulisan-penulisan El-Muhammady mendapati bahawa, beliau telah menghasilkan penulisan dalam bidang-bidang seperti politik dan kenegaraan, kebudayaan, tamadun, keimanan, tafsir, pendidikan dan sebagainya. Sungguhpun begitu tidak ramai pengkaji yang menjalankan kajian terhadap pemikiran El-Muhammady. Maka, kajian khusus mengenai pemikiran El-Muhammady dalam konteks politik haruslah dikaji dan diterokai.

Justeru, dalam artikel ini akan mengupas tentang pemikiran politik Muhammad Uthman El-Muhammady dalam konteks Islam yang berpaksikan kepada intelektual Ahli Sunah Wal-Jamaah. Perbincangan akan dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, mengemukakan perbincangan berkenaan demokrasi dan Islam. Kedua, penelitian tentang pemikiran politik El-Muhammady dalam konteks Nasionalisme dan *asabiyah*. Ketiga, akan menyelusuri pemikiran politik kepimpinan dan pentadbirannya dari perspektif Islam.

## 2.0 Metodologi

kajian yang dijalankan adalah berbentuk pemikiran dan tokoh, maka jenis penelitian kajian yang bersesuaian adalah berbentuk kualitatif. kualitatif sangat bersesuaian berikutan kajian ini tidak menggunakan sebarang angka atau nombor ketika mengolah dapatan data. Selain itu, kaedah ini dipilih kerana memerlukan penjelasan dan penghuraian yang jelas dalam kajian berserta aliran peristiwa yang mampu memberikan penghuraian dan dapatan yang lebih baik. Selain daripada itu, penyelidikan jenis ini dikatakan dapat memberi maklumat tentang pemahaman, pengalaman dan perasaan subjek. (Chodwick, 1991).

Penelitian terhadap data primer dan sekunder akan digunakan bagi menganalisis data-data. Data primer tersebut boleh berupa buku, kertas kerja, artikel, buku terjemahan dan video seperti ceramah dan syarahan yang boleh diperoleh di Youtube, perpustakaan dan arkib negara yang turut dijadikan sebagai sumber utama. Selain itu, teknik wawancara secara *authoritative interview* akan dilakukan bagi menyokong dapatan daripada sumber data primer. Menerusi kaedah wawancara jenis ini responden yang dipilih hanyalah terdiri daripada kalangan mereka yang berwibawa sahaja agar fakta yang di peroleh dapat dipertanggungjawabkan serta diperbandingkan dengan sumber yang lain. Oleh kerana kajian ini merupakan penelitian terhadap tokoh yang bersifat kualitatif, maka kajian ini akan dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan. Bell (2001) menyatakan, content analysis atau analisis kandungan adalah

kaedah dalam mengumpul data dan menganalisis kandungan sesebuah teks secara mendalam. Sumber seperti bahan bertulis, simbol, gagasan dan pelbagai bentuk maklumat yang dapat di komunikasi boleh dikategorikan sebagai teks. Justeru kajian ini adalah bagi meneliti pembangunan dan pengembangan pemikiran dakwah El-Muhammady di Malaysia.

### 3.0 Biografi El-Muhammady

Nama lengkap ilmuwan Islam EL-Muhammady adalah Muhammad Uthman El-Muhammady. Beliau dilahirkan di sebuah keluarga sederhana yang berlatar belakangkan petani di kampung Telok Panji, Kota Bharu, Kelantan pada 9 Februari 1943. Selain daripada pendidikan agama di rumah, beliau juga menuntut di sekolah Quran yang diterajui oleh Lebai Yusof bin Awang yang turut dikenali sebagai Tok Jawi yang mendidik dan mengajarnya bacaan al-Quran dan tajwid. El-Muhammady seperti kanak-kanak yang lain mula mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Rambutan Rendang, daerah Panji, Kota Bharu pada tahun 1949 sehingga 1954 (Ahmad, 2017).

Pada tahun 1955, El-Muhammady telah meneruskan pembelajarannya ke sekolah Inggeris dengan memasuki *Special Malay Class* di Sekolah Sultan Ismail, Kota Bharu, yang kemudiannya telah bertukar nama kepada Maktab Sultan Ismail (*Sultan Ismail College*) (Ahmad, 2017). Pengajian selama lima tahun dalam menimba ilmu di Maktab Sultan Ismail di Kelantan, telah mendorong El-Muhammady untuk meneruskan pengajiannya ke peringkat menengah atas di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah pada tahun 1962 (Ismail Mina, 2014). Hasil daripada kejayaannya dalam peperiksaan *Higher School Certificate* (HSC) telah melayakkan beliau untuk memulakan pengajian ke peringkat pengajian tinggi. Sungguhpun berlatar belakangkan pendidikan Inggeris, disebabkan minat beliau yang mendalam kepada ilmu agama, El-Muhammady telah melanjutkan pengajiannya di Universiti Malaya (UM) di peringkat Sarjana Muda Sastera dalam bidang pengajian Islam.

Pada ketika ini beliau tekun mempelajari dan mendalami beberapa buah kitab besar terutamanya kitab karangan Imam al-Ghazali dengan cermelang bersama Professor Mackeen Abd Majid yang berasal dari Sri Langka. Oleh demikian, El-Muhammady terinspirasi dengan aliran pemikiran al-Ghazali melalui karya-karya agungnya. Maka tidak hairanlah sekiranya beliau mengubah penampilannya menerusi pendekatan kesufian seperti pegangan Imam al-Ghazali.

Setelah berjaya dalam peringkat Sarjana Muda, El-Muhammady melanjutkan lagi pengajiannya dalam Sarjana Sastera di UM. Beliau telah menghasilkan kajian berteraskan bidang politik yang berkaitan dengan pemikiran politik Imam al-Mawardi iaitu "*An Examination of al-Mawardi's Theory of the caliphate with referance to al-ahkamu's sultaniyyah*". Sungguhpun beliau tidak cenderung kepada mana-mana parti politik namun beliau ada menghasilkan beberapa artikel yang berunsur politik dan pentadbiran dengan merujuk kepada kitab-kitab ilmuwan Islam seperti Imam al-Ghazali dan al-Mawardi. Antara artikel tersebut adalah "*Gerakan Kebangsaan Malaysia yang tidak Bercangah Dengan Konsep Asabiyyah*", "*Dar-Al-Islam menurut al-Mawardi*",

“Ketua Negara Islam” dan sebagainya. Beliau sering melihat tokoh-tokoh Islam seperti al-Mawardi, al-Ghazali, Ibnu Khuldun, Imam Shafie, al-Ashari dan Shah Waliyullah al-Dihlawi sebagai suluhan cahaya dalam wacana intelektual, teladan kepemimpinan rohani dan moral bagi membantu umat Islam menghadapi pelbagai bidang pemikiran moden yang mencabar terutamanya dalam konteks politik.

#### 4.0 Pemikiran Politik Kenegaraan

Polemik bagi pemikiran politik bagi kaum Muslimin telah terserlah ketika era Rasulullah SAW, yang telah berjaya menyatukan pemikiran politik manusia, terutamanya kaum Arab yang begitu mudah melakukan perpecahan dan pertikaian sesama sendiri; ke dalam satu pemikiran dan satu negara yang ditadbir urus secara internal oleh hukum syariat. Bagi pentadbiran secara eksternal pula berfungsi bagi memperluaskan *risalah al-Islamiyyah* (Muh. Zulkarnain, 2010).

Dalam berhubungan dengan hidup kenegaraan dalam Islam, El-Muhammady bersepakat dengan pandangan Muhammad Hamidullah (1983) dalam bukunya yang terkenal iaitu *introduction to Islam*. Hamidullah menyatakan,

*“The islamic conception of life being a co-ordination between the body and the soul, it was natural that a very close relationship should have been established between religion and politics, between the mosque and the citadel. In its social conception Islam is ‘communal’. It prefers a social life, demands workship in collectivity and congregation, in which every one turns towards the same centre (the Ka’bah), fasting together at the same time in all parts of the world, and visiting the House of God (the Ka’bah) as one of the principle duties of all Muslims, men and women...”*

Berkenaan dengan peranan sistem politik, El-Muhammady (2014) senada dengan Sayyid Qutb, iaitu sistem politik Islam itu merupakan suatu sistem yang bersifat abadi (*eternal system*) dan negara yang terbentuk itu di direalisasikan sebagai negara Islam yang berpaksikan kepada syariah. Walaupun demikian, El-Muhammady mempunyai pendirian berbeza dari sudut lain. Misalnya, Sayyid Qutb menolak dengan tegas agama dan politik sedangkan El-Muhammady menerimanya (Muhammad Uthman, 2014).

Imam al-Ghazali mengkategorikan sahsiah (politik) kepada empat komponen, iaitu (a) politik anbia, (b) politik para khalifah dan umara, (c) politik para ulama, dan (d) politik para juru nasihat umat (Muhammad Uthman, 2014). Menurut beliau, kemahiran asasi seperti kemahiran sahsiah adalah perkara yang termulia kerana politik adalah suatu bentuk usaha bagi menjinakkan manusia dalam kalangan masyarakat dan menambah baik kehidupan masyarakat. Oleh itu, keperluan terhadap kesempurnaan dalam keperibadian individu yang melaksanakannya amat diperlukan supaya keperibadian yang menjalankan siasah itu akan menjadikan individu yang berkemahiran selain daripada politik berkhidmat dibawahnya. Maka, sahsiah ialah suatu pembaikan

(keadaan hidup) masyarakat dan menghalakan mereka “ke jalan yang lurus” serta menyelamatkan mereka di dunia serta di akhirat (Muhammad Uthman, 2006).

Selain itu, dalam usaha mengurus dan memperbaiki sistem politik negara, El-Muhammady bersetuju dengan pandangan al-Ghzali dalam mencadangkan agar golongan intelektual dan para ulama memainkan peranan dalam menyampaikan nasihat atau menegur dengan berani para pemerintah (Mohd Kamal, 2018). El-Muhammady (Nor Rashidi, 2018) juga mengambil pandangan Imam al-Ghazali dalam menekankan peranan para ulama bagi menjadi agen perubahan dalam sesebuah negara dan juga berperanan dalam menasihati perkara yang telus dan benar kepada pihak penguasa dan pemerintah. Sekiranya para penguasa melakukan penyelewengan, al-Ghazali mencadangkan agar teguran dapat dilakukan dengan tiga cara iaitu melakukan kritikan, menulis surat dan menjauhkan diri daripada penguasa atau memutuskan hubungan dengan mereka (Nooh Gadot, 2005).

El-Muhammady (2002) juga bersependapat dengan al-Mawdudi dalam hal demokrasi. Beliau menyatakan bahawa sekiranya demokrasi itu di lihat sebagai satu cara kedaulatan popular yang mempunyai batas, keterbatasan tersebut haruslah diarahkan kepada hukum Allah, maka amalan demokrasi ini tidak akan bercanggah dengan Islam. Sungguhpun begitu, El-Muhammady berpendirian bahawa, Islam adalah bercanggah secara langsung dengan amalan demokrasi sekular dari barat yang lebih bertemakan kepada kedaulatan orang ramai (Ismail Mina, 2017). Syed Qutb (Muhammad Uthman, 2014), seorang perangka teori tradisional dalam Ikhwan al-Muslim Mesir secara jelas menolak konsep kedaulatan popular. Beliau merasakan pembentukan sesebuah negara Islam itu haruslah berpaksikan kepada prinsip syura dalam Quran (berkenaan pentafsiran Quran) dan undang-undang syariat Islam di jadikan pelengkap kepada sistem perundangan dan moral.

Sesuai demokrasi itu seharusnya bercirikan pilihan raya yang bebas, kewartawanan yang bebas, pemerintahan bermajoriti, sikap sama-rata kepada parti, kebebasan bersuara dan menyumbang pendapat serta memahami hakikat, dan kewajipan serta kawalan ke atas kerajaan tambah, El-Muhammady (2014). Maka, pendemokrasian Islam ini tidak akan tercapai matlamatnya seandainya elemen integriti tidak diberi tumpuan dalam pembentukan masyarakat. Hal ini bermakna, sistem yang bagus tanpa masyarakat yang berintegriti akan mengakibatkan kegagalan dalam pelaksanaan demokrasi Islam. Justeru, penekanan yang lebih terhadap pentadbiran dan sahsiah haruslah dititik beratkan. (Muhammad Uthman, 2014).

Lanjutan daripada itu, sekitar tahun 1980 dan 1990, telah berlaku beberapa kejadian penting yang secara tidak langsung telah membantu memperluaskan mesej kepada golongan Islamik moderat, jika dibandingkan dengan golongan *fundamentalis revolusioner* yang berlaku setelah Revolusi Iran 1978. Ketika ini, para pemimpin Muslimin berminat dalam mengambil bahagian dalam proses pemilihan sebagai jalan untuk mendapatkan kekuasaan dalam negara (Abdul Rahman, 2005). Menurut El-Muhammady (2002:2), para intelektual reformis telah terlibat dalam acara seperti debat Islam dan kemodenan seperti perkara berkenaan Islam dan demokrasi, persamaan, golongan minoriti, dan hak-hak wanita.

Antara suara yang menarik perhatian El-Muhammady dalam membahaskan konsep demokrasi ini ialah Rachid Ghannouchi. Menurut El-Muhammady (2014), Ghannouchi berpendapat bahawa golongan Islamik ini harus diberi peluang bagi memahami nilai-nilai modenis daripada barat seperti perkara berkaitan demokrasi dan hak kemanusiaan maka, mereka akan memperoleh tempat bagi nilai-nilai dalam Islam (sehingga unsur-unsur tersebut menjadi matang dan berjaya) seperti yang telah dilakukan di Barat.

Ghannouchi menambah, beliau terhutang budi kepada Malik Bennabi dalam esainya '*Islam and Democracy*', yang menjadi permulaan baginya untuk menerbitkan buku tentang *al-hurriyyah al-ammah* atau 'Kebebasan-kebebasan awam'. Kemudian, Gannouchi telah pun membentuk sebuah teori permasalahan tentang peralihan kepada sistem demokrasi, sepertimana yang telah dilakukan oleh Dr. Azzam Tamimi (Muhammad Uthman, 2005). Seperti yang diperjelaskan oleh Azzam Tamimi (1998), demokrasi bukan sahaja tidak bercanggah dengan Islam, bahkan berkongsi dengannya. Perkara ini dilihat berdasarkan ciri-ciri yang menjadi asas kebersamaan iaitu, faedah yang saling diterima dan diberi, kepentingan bersamaan, dan formula bagi kehidupan bersama yang dapat dicapai.

El-Muhammady berpendapat huraian Robin Wright yang bersabit dengan perkara pokok berkaitan Ghannouchi. Wright mahukan sesi dialog yang bebas kepada mereka yang berpegang kepada kepercayaan sistem politik yang berkepelbagaian itu (Muhammad Uthman, 2003:3). Wright memilih sistem demokrasi yang lebih bercirikan kepada pemerintahan yang majoriti, kewartawanan yang bebas, perlindungan kepada golongan yang minoriti, pilihan raya yang bebas, sikap sama rata terhadap kepartian yang bukan bersifat keagamaan dan yang bersifat agama, hak para wanita di tempat pengundian termasuklah kod berpakaian dan mahkamah perceraian. Menurut El-Muhammady, peranan Islamlah yang akan memberi nilai-nilai moral kepada sistem ini (Muhammad Uthman, 2003:3).

Ternyata, integriti dan demokrasi tidak dapat dipisahkan dalam pembentukan peribadi manusia yang baik. Justeru menurut El-Muhammady (Mohd Rumaizuddin, 2017) kita seharusnya bersikap mengiktiraf keperluan dalam menjayakan proses pengubahan manusiawi ini kepada tahap-tahap integriti yang lebih baik dan juga berkesan. Hal ini bermaksud, manusia itu perlu ditarbiah agar mengerti akan maksud '*the art of effective personal change*', yakni seni bagi perubahan dalam diri yang baik dan juga berkesan (Muhammad Uthman, 2014).

## 5.0 Politik Kepartian

Politik kepartian di Malaysia pada asasnya wujud daripada sistem demokrasi. Hal ini bermula pada tahun 1955, apabila negara mula menerima sistem demokrasi sebagai suatu bentuk pemerintahan yang berteraskan sistem raja berperlembagaan. Tidak wujud dalam sejarah tamadun Islam tentang kewujudan pertubuhan bercirikan politik dalam sistem pemerintahan. Perkara ini menandakan bahawa, kewujudan politik Islam dalam sistem demokrasi merupakan suatu fenomena yang baru dan asing bagi masyarakat Islam (Norshahril, 2014).

Pada tahun 1926, Gerakan Kebangsaan Melayu ketika ini tidak berorientasikan politik. Ketika ini, kewujudan Singapore Malay Union (SMU), menjadi penanda awal kepada pembentukan parti-parti politik Melayu di era 40-an. Hal ini juga menandakan wujudnya bentuk gerakan dan fahaman beraliran agama yang bertukar wadah kepada aliran bersifat nasionalisme Melayu yang berideologi sekular (Muhammad Uthman, 2012). Ozay Mehmet (1990), menyifatkan peristiwa tersebut sebagai '*a secular brand of Malay nationalism*'.

EI-Muhammady (2012) menegaskan bahawa orang Melayu tidak pernah 'tidur' dari aspek politiknya. Malah, golongan ini sedar akan implikasi yang bakal dihadapi daripada dasar pihak Imigresen ketika itu. Pencabulan ke atas hak orang Melayu sebagai bumiputera dan hak-hak keistimewaannya telah membawa kepada wujudnya penyanggahan secara segera. Pada 22 Mac 1928, dalam laporan yang dikemukakan oleh *Singapore Free Press* terdapat tulisan yang menyebut tentang:

*"The Malays have awakened to the problem of western civilisation which they have to face and already there is a realisation that, if they are to succeed against the encroachment of other races in Malaya, they must combine for their own and the welfare of succeeding generations."* (Soenarno, 2002).

Penubuhan *Malayan Union (MU)* oleh pihak British dengan mengumpulkan kesemua negeri-negeri Melayu berserta Singapura dan Penang sebagai suatu bentuk kawasan penjajahan dengan mengetepikan kekuasaan kesultanan Melayu adalah antara perkara yang mengakibatkan terbentuknya UMNO. Di bawah pentadbiran MU, orang bukan Melayu akan diberikan hak yang sama dan hal ini akan menjadikan masyarakat Melayu sebagai golongan yang minoriti di negeri mereka sendiri (Muhammad Uthman, 2012). Menurut Ozay Mehmet (Muhammad Uthman, 2012), UMNO adalah sebuah parti berfahaman sekularisme, yang terpenaruh dengan model nasionalisme bangsa *Kemalist* yakni hasil daripada fahaman politik Attaturk. Hal ini kerana kewujudan sayap 'ultra-progresif' kebangsaan Melayu, yang terkenal sebagai sebuah pertubuhan ala Turki yang berideologi kebangsaan Attaturk, namun mengetepikan ciri-ciri sekularisasi.

Sekiranya di teliti tentang fakta yang berkaitan dengan perjuangan UMNO serta perlembagaannya, dan beberapa dokumen lain, termasuklah penulisan-penulisan yang mempunyai kaitan dengan fahaman sekular (*secularization*), ternyata tidak wujud perkaitan UMNO memperjuangkan ideologi sekularisme serta cubaan dalam mensekularkan Islam menerusi program-program yang dijalankan oleh mereka (Muhammad Uthman, 2012). Menurut EI-Muhammady (2012) sebagai pertubuhan politik kebangsaan Melayu, UMNO turut memiliki keterangan dan bukti tentang dasar perjuangan mereka, seperti yang dimiliki oleh PAS. Bahkan UMNO adalah sebuah parti politik yang mendepani PAS dalam menyatukan orang Melayu sehingga tertolaknya *Malayan Union* dan lahirnya kemerdekaan serta terciptanya negara Malaysia, dan mengangkat maruah kaum Melayu Islam sehingga dipuji oleh tokoh-tokong antarabangsa terutamanya di dalam negara OIC.

Erti perkataan dalam logo UMNO iaitu 'pertubuhan', 'kebangsaan', 'Melayu', 'Bersatu' seperti yang terkandung dalam perlembagaannya, membawa makna tentang pertubuhan yang bersifat nasionalisme seperti *national level Malay organization* dan

bukannya parti yang mendaulatkan kebangsaan beridentitikan sekular atau *organization promoting nationalism in the Western sense* (Muhammad Uthman, 2012). Menurut El-Muhammady (2012) merujuk kepada fasal 3 Perlembagaan UMNO 2009, tidak wujud berkenaan ungkapan yang menjelaskan bahawa UMNO beroperasi sistem barat dengan erti kata sistem sekular atau mengendalikan aktiviti berbentuk sekular seperti yang biasa dimomokkan dalam sesetengah penulisan, dengan menuduh bahawa UMNO mengamalkan sistem sekular. Hal ini adalah suatu bentuk tuduhan yang sengaja ditimbulkan berikutan pandangan yang tidak berhati-hati dalam menyelusuri ideologi dan permasalahan yang sedang dibincangkan.

Tambah El-Muhammady lagi, sekiranya yang di maksudkan itu adalah perkara-perkara atas perilaku yang bertentangan dengan hukum syarak atau yang membelakanginya, maka perbuatan perbuatan itu hanyalah suatu kesalahan dari segi hukum syarak dan bukannya mempunyai perkaitan dengan falsafah mahupun fahaman sekularisme (Mohd Amin, 2017). Sungguhpun beliau melihat perkara ini sebagai suatu amalan yang negatif, namun masih terdapat pihak yang terus melakukan tuduhan seperti menuduh UMNO melakukan sekularisme Islam atau UMNO mengajar ajaran sekular, dan tidak kurang dengan tuduhan bahawa kebangsaan UMNO merupakan kebangsaan sekular (*secular nationalism*) (Muhammad Uthman, 2012). Tambah beliau lagi, nasionalisme Melayu UMNO itu berbunyi “demi alif-ba-ta” bukanlah perkara yang diistilahkan sebagai “*secular nationalism*” dalam makna barat, tetapi gerakan nasionalisme yang membawa maksud demi agama, bangsa dan tanah air (Kamarudin, 2006).

Dengan melihat kepada penerangan terhadap istilah sekular ini, adalah kurang wajar sekiranya masih ada individu yang melontarkan kenyataan bahawa parti nasionalisme Melayu UMNO menjalankan idealisme sekular, berfahaman sekularisasi atau menjalankan sekularisme. Ini kerana, aliran sekularisme itu sendiri sekiranya di fahami dalam konteks epistemologi Ahli Sunnah Wal-Jamaah, boleh membawa kepada kekufuran yang nyata (Muhammad Uthman, 2012). Di kalangan orang Melayu, persoalan berhubungan dengan identiti antara kaum dan agama adalah suatu hal yang sangat penting dan sukar untuk dipisahkan, umpama ‘bagaikan isi dengan kuku’. Perkara ini merupakan faktor penting dan bernilai bagi orang Melayu. Hal ini dapat dijadikan sebagai renungan kepada keadaan masyarakat Timur seperti Melayu-Islam berbanding golongan Barat. Ini kerana pada asasnya kedudukan kaum Melayu itu jati dirinya berada pada keunggulan agamanya. Oleh demikian, Nasionalismanya tidak akan terpisah dengan agamanya (Muhammad Uthman, 2003:2).

Hal ini ternyata begitu penting apabila terdapat pengarang-pengarang Malaysia yang tersohor turut menulis tentang perkara ini menerusi penulisan dalam memperjuangkan kemerdekaan pada suatu ketika dahulu, dan mereka juga turut menyebut tentang “demi *alif, ba, ta* yakni demi, agama, bangsa serta tanah air” (Muhammad Uthman, 2002). El-Muhammady (2003) juga turut menjelaskan bahawa, Tok Kenali di Kelantan juga turut menggunakan istilah tersebut dalam penulisannya di dalam majalah Pengasuh yang di terbitkan oleh pihak Majlis Ugama Islam Kelantan. Tambah El-Muhammady (2012) di Malaysia, golongan Muslimin beragama dan golongan kebangsaan (*nationhood*) bergabung dan bersatu. Sungguhpun terdapat ketidaksamaan dalam aspek ideologi, namun hal ini hanya bersifat kebetulan.

Sungguhpun agama itu adalah hayat dan roh bagi bangsa Melayu, namun apabila kedua-duanya dilihat secara berasingan dan terpisah antara satu dengan yang lain, maka semangat keagamaan yang merangkumi orang awam dan mereka yang berada di kelas atasan akan kelihatan semangat keagamaan itu secara bersama.

Namun begitu, semangat kebangsaan ini hanya akan dapat dirasai oleh seorang daripada seratus orang di dalam sesebuah masyarakat. Hal ini kerana hanya mereka yang benar-benar bersedia untuk menyerahkan jiwa dan raganya demi nusa dan bangsa sahaja yang akan merasai semangat kebangsaan itu. Justeru, El-Muhammady (2012) menyarankan agar "semangat keagamaan ini dijadikan asas kepada perhubungan dengan hak bagi setiap orang, manakala semangat nasionalisme itu dijadikan pihak yang akan memberi khidmat kepadanya serta menjadi benteng baginya".

## 6.0 Pemikiran Politik Pimpinan & Pentadbiran

El-Muhammady (2014:2) merumuskan bahawa dalam Islam, pemimpin-pemimpin yang tertinggi itu adalah dari kalangan para *anbia* dan rasul *alayhimus-salatu was-salam*. Kepimpinan mereka adalah pimpinan secara langsung daripada Tuhan yang membawa kepada bimbingan yang sangat sempurna bagi tujuan *rohaniah* dan kejayaan di muka bumi yang diredai-Nya. Pimpinan yang harus dilaksanakan itu bertujuan bagi membawa manusia agar melaksanakan ketetapan agama serta membina tamadun yang berteraskan agama Islam, yakni tamadun yang berbentuk teokratik.

Tambah beliau lagi, dalam al-Quran dengan jelas menyatakan bahawa semua tamadun itu adalah teokratik, seperti yang tercatat pada surah Yunus, ayat 47 yang bermaksud "setiap umat itu ada rasul" (Muhammad Uthman, 2014:2). Selain daripada kepimpinan para nabi dan rasul, maka pimpinan yang seterusnya haruslah diwakili oleh para pemimpin dari kalangan wali dan ulama yang turut bertanggungjawab dalam melakukan kerja-kerja *radiya Llahu'anhum* seperti yang terkandung dalam hadis: *al-ulama warathatul-anbiya*, yang bermakna ulama itu pewaris kepada para *anbia*. Kemudian barulah pimpinan-pimpinan yang lain dapat menyambung kerja-kerja tersebut (Muhammad Uthman, 2014:2).

Namun hal ini tertakluk kepada perkara *hikmah* seperti nasihat yang baik, sifat lemah lembut, perbincangan yang baik dan sifat 'mengajak secara berdakwah' seperti terkandung di dalam al-Quran dalam surah *Taha* ayat 44 yang bermaksud: "Dan (kamu berdua, yakni Nabi Musa dan Harun) katakanlah (kepada Firaun) kata yang lemah lembut", dan surah *al-Ahzab* ayat 70 yang memberi makna "Dan katakanlah perkataan yang mengarah kepada Kebenaran" (Muhammad Uthman, 1988). Selain itu sifat *amanah* juga adalah sifat yang harus ada pada kepimpinan yang diinginkan. *Amanah* bermaksud dapat dipercayai (Risminawati & Muhammad, 2013). El-Muhammady mentakrifkan *amanah* sebagai melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan tanpa sebarang pengkhianatan. Hal ini bermaksud, pelaksanaan tanggungjawab itu dilakukan atas dasar tugasnya dan ketika menyampaikan tentang kebenaran, tidak berlakunya sebarang pengkhianatan terhadap kebenaran tersebut dengan teknik

*apologetik* atau pentafsiran yang menyeleweng yang boleh mengakibatkan berlakunya pengkhianatan (Muhammad Uthman, 2001).

Sifat *Sidq* juga adalah sifat yang harus ada dan perlu di contohi dalam keperibadian Rasulullah. Sifat kebenaran yang dimaksudkan itu adalah benar dalam segala urusan yang berlawanan dengan sifat kepalsuan (Md. Shahjehan, 2016). Seseorang pemimpin itu haruslah memandu golongan yang dipimpinnya agar mencapai perkara yang benar dan bergerak atas prinsip kebenaran. Oleh itu, sifat kebenaran ini haruslah dimiliki dan tidak sekadar kebenaran atas dasar mental semata-mata, supaya cita-cita pemimpin itu dapat dilaksanakan (Muhammad Uthman, 2014:2). Keutamaan dalam menghayati sifat *fatimah* atau kebijaksanaan haruslah dilihat dalam mengenali perkara yang dikehendaki oleh Islam yang berpaksikan kepada al-Quran dan sunnah serta pandangan akal yang tajam, hasil daripada jiwa yang bersih yang hadir menerusi ibadah dan hidup mengikut kemuliaan budi atau *makarimul-akhlaq* (Muhammad Uthman, 2014:2).

Dari perspektif yang berbeza, El-Muhammady (2001) mengutarakan pandangan bahawa seorang pemimpin itu haruslah memiliki ciri-ciri berikut; *Hikmah*, adil, *iffah* dan keberanian. Ciri-ciri tersebut di dalam pemikiran Islam dikenali sebagai *ummahatul-fadail* atau bermaksud, itu bagi segala sifat yang utama. Beliau pula menggambarkan *hikmah* sebagai daya ilmu dan kesedaran yang ada pada individu itu akan menyebabkannya dengan mudah untuk mengenal pasti perbezaan antara kebenaran, kepalsuan dalam erti perkataan, perbuatan, dan kepercayaan. Sekiranya kemampuan ini mampu berkembang dengan baik, maka hal ini dipanggil *hikmah*. Sifat *iffah* (atau kemampuan menguruskan keinginan dan nafsu) membawa maksud individu yang mengendalikan akalnya secara syarak dan *hikmah* dalam dirinya. Akhlak *iffah* akan menimbulkan sifat-sifat terpuji seperti malu, penyabar, pemurah, warak, bermaaf-maafan, tolong-menolong, peramah dan tidak mengharapkan orang lain (Muhammad Uthman, 2014:2).

Demikian juga dengan sifat *syajaah* (keberanian). Sifat *syajaah* ini adalah keberhasilan daripada kekuatan amarah yang telah berkembang dan susut mengikut *hikmah* seseorang itu. Sifat ini juga turut berpunca daripada keseimbangan yang ada antara sifat berani secara membuta tuli dan sifat seorang pengecut yang sangat menghinakan (Muhammad Uthman, 2014:2). Bagi El-Muhammady (2014:2) sifat *adl* dari aspek akhlaknya ialah kekuatan batin seseorang itu dalam menguruskan keinginan nafsu, dalam erti sebagai sifat amarah yang masih dapat dikawal dengan akal yang jernih serta mengikut syariat. Tambah El-Muhammady (2007), akal dapat dijadikan penasihat yang jujur dan menjadi kekuatan keadilan dalam diri individu, yakni sebagai “tukang suruh akal yang saksama dan mempunyai sifat berani yang berteraskan kepada naluri kemarahan”.

Maka berdasarkan kepada penjelasan tersebut, sesiapa jua yang memiliki sifat-sifat *ummahat al-akhlak* ini dengan secara seimbang dan harmoninya, akan menghasilkan sebuah akhlak yang mulia, dan seorang pimpinan yang baik. Perkara ini tidak di ragukan lagi apabila Rasulullah SAW dijadikan contoh terbaik yang harus diteladani. Sifat-sifat yang lainnya akan muncul dan berkembang hasil daripada sifat-sifat yang

utama ini dan cara bagi mencapainya hanyalah dengan melaksanakan hidup beragama serta menjalani latihan secara berterusan (Muhammad Uthman, 2014:2).

Dalam membicarakan tentang ketaatan kepada *wali al-amr* (pemimpin), wujud kenyataan "...seandainya kamu melihat (mereka itu) dalam keadaan kufur yang nyata (*kufuran* bawahan) di sisi kamu, daripada Allah ada keterangan berkenaannya". Hal ini membawa maksud apabila melihat mereka 'kufur yang nyata' (yang tidak dapat di takwil lagi dengan pelbagai cara seperti bersikap baik dan bersangka baik terhadap sesama Muslim, bagi mengelakkan terkeluarnya perkataan 'kafir'), maka hendaklah menjauhinya dan menasihati mereka dengan kata-kata *hak* (tidak dengan cara yang biadab) (Muhammad Uthman, 2001).

Menurut El-Muhammady (2001), bangkit dan menentang pemimpin serta berperang dengan mereka adalah haram, sungguhpun mereka adalah dari kalangan *fasik* dan zalim. Ahli Sunnah Wal-Jamaah juga telah berijmak bahawa tidak akan *dimakzulkan* (dipecat atau menurunkan takhta) golongan ini kerana *fasik*. Kenyataan El-Muhammady ini turut seiring dengan kata-kata dari Imam al-Tohawi (Abdul Monir, 2005) yang berpendapat bahawa "kami tidak bersetuju keluar dari pemerintah serta mereka yang bertanggungjawab di dalam urusan negara, sekalipun mereka melakukan penganiayaan. Kami juga tidak akan mendoakan keburukan bahkan, kami tidak akan melepaskan genggamannya daripada mentaati mereka. Selain itu kami juga menganggap mentaati pemimpin Muslim adalah kerana Allah selagi mereka tidak memerintah dengan perkara kemaksiatan".

El-Muhammady (2001) menyatakan punca para ulama tidak *termakzul* dan haram keluar menentang para pemimpin itu adalah kerana kemungkinan perkara yang berlaku mempunyai perkaitan dengan fitnah (huru-hara). Hal ini boleh mengakibatkan berlakunya pertumpahan darah serta dapat merosakkan hubungan sesama manusia. Oleh itu, kerosakan yang hadir daripada *memakzulkan* akan menjadi lebih besar dan parah daripada keadaan yang sebelumnya.

Pentadbiran dan pemerintahan yang baik (*good governance*) menurut El-Muhammady (2002:3) adalah kewujudannya yang mengikut perundangan, pentadbirannya dapat diurus dan ditentukan, serta kuasanya adalah sah dengan peraturan-peraturan yang bersifat *responsive*. Kewujudan masyarakat madani yang baik dalam sesebuah negara juga tergolong dalam urus tadbir yang baik (Muhammad Uthman, 2002:3). Maka, dalam perkara ini El-Muhammady (2002:3) mendefinisikan urus tadbir sebagai suatu proses yang terdapat unsur-unsur dalam masyarakat yang melibatkan penggunaan kuasa dan autoriti serta pengaruh dalam melaksanakan segala dasar serta keputusan berhubung dengan kehidupan masyarakat awam dan pembangunan sosial dan ekonomi. Hal ini kerana, beliau melihat urus tadbir kerajaan yang memiliki konsep yang lebih meluas berbanding kerajaan. Urus tadbir ini lebih memperlihatkan interaksi antara institusi-institusi formal dan juga masyarakat madani (Ab. Mukmin & Fadillah, 2006).

Pihak berkuasa juga dilihat sebagai penjaga aturan atau '*regulator*', pemberi dana dan pembekal perkhidmatan. Namun, mereka juga turut berperanan sebagai pemangkin atau rakan kongsi kepada sektor-sektor lain dalam masyarakat seperti para pedagang dan organisasi kebajikan yang tidak mementingkan keuntungan. Hal ini penting bagi

memastikan bahawa isu-isu masyarakat yang menjadi keutamaan dapat dikenal pasti dan diselesaikan dengan lebih berkesan (Muhammad Uthman, 2001).

Tambah El-Muhammady (2002:3), rakyat di pohon agar bukan sekadar menjadi pengundi bahkan, sebagai pihak yang dapat mengenal pasti isu-isu masyarakat dan membantu kerajaan dalam mencari penyelesaian serta bertindak sebagai indeks penilaian bagi memastikan matlamat-matlamat yang telah ditetapkan tercapai. Antara peranan rakyat yang disarankan adalah sebagai,

- a. Pelanggan
- b. Pemilik saham
- c. Pembentukan Isu
- d. Kongsy dalam pengeluaran
- e. Penilai kualiti Khidmat
- f. Pemerhati bebas bagi melihat hasil dalam tindakan-tindakan yang dilakukan (*independent outcome trackers*)

Selain itu, seperti yang disarankan oleh al-Mawardi (1993), seharusnya diwujudkan pentadbir dari kalangan wazir atau menteri, dengan bahagian dan kuasa masing-masing. Sebagai contoh, para *amir* dengan tugas mereka, para petugas di dalam sektor kehakiman dan perundangan, pegawai yang bertanggungjawab dalam permasalahan penganiayaan, para petugas berhubungan dengan perkara ibadat haji, zakat, para petugas berkaitan dengan harta rampasan, *fay* dan sebagainya. El-Muhammady (2002:3) menambah sekiranya merujuk kepada zaman sekarang dan di negara Islam seperti Malaysia, maka beberapa bahagian dapat ditambah lagi bagi melangsungkan pentadbiran kerajaan seperti penubuhan bahagian-bahagian berkenaan pentadbiran ekonomi dan perdagangan, pendidikan dan pelajaran, sains dan teknologi, hal-ehwal wanita, belia dan kebudayaan serta sukan, diplomasi dan hubungan dengan negara luar berserta kedutaan, ketenteraan dan pelbagai lagi.

Kesemua perkara yang dibincangkan di atas, selaras dengan tuntutan Islam yang menginginkan kesejahteraan bagi pihak penguasa dan rakyat secara amnya. Maka, hal seterusnya terserah kepada kebijaksanaan pemimpin dan rakyat bagi menggandakan usaha untuk mewujudkan institusi dan juga idea-idea yang teguh bagi menjayakan urus tadbir yang baik seperti yang diperlukan (Mohd Rumaizuddin *et al*, 2010). Menurut El-Muhammady (2004:2), idea yang kukuh, institusi yang baik serta cara tindakan dan pelaksanaan tugas yang berkesan haruslah diamalkan. Hal ini sebagaimana yang disebut dalam hadis yang bermaksud "kamu lebih mengetahui berkenaan dengan urusan agama kamu". Antara lain, penekanan beliau terhadap hal-hal kebiasaan yang teguh dan baik dalam kehidupan seharian (*al-awa'id*) yang harus ditaati dan tidak dilanggar oleh sesiapa. Ini akan memberi suatu kekuatan kepada masyarakat dalam membangunkan sektor pendidikan, ekonomi dan teknologi (Muhammad Uthman, 2005).

Selain itu, antara gesaan El-Muhammady (2002:3) supaya dalam menjalankan urus tadbir ini, pemimpin haruslah sentiasa bersikap penyayang dan lemah lembut agar kemesraan dan hubungan yang terjalin antara pemimpin dan rakyat terbentuk dengan baik. Beliau juga turut menyarankan agar pemimpin memiliki sifat berpegang kepada

akhlak yang tinggi agar dapat menjamin keutuhan dan kejayaan dalam menjalankan urusan tadbir yang baik (Muhammad Uthman, 2011).

## 7.0 Penutup

Pemikiran politik Islam El-Muhammady disimpulkan kepada kepada tiga iaitu pertama, falsafah politik kenegaraan yang berteraskan kepada politik kenabian yang melihat kepada cara dan kaedah serta amalan Nabi dan para ulama terdahulu dalam berpolitik. Pemikiran al-Mawardi berkenaan politik di dalam kitabnya “*Al-Ahkam As-Shulthaniyah*” dan nukilan Imam al-Ghazali dalam karyanya “*al-Islam wa'l-Dinuqratiyyah*” adalah sebuah alternatif kepada ‘konsep demokrasi Islam’ yang ideal menurut pandangan El-Muhammady. Kedua, falsafah politik kepartian yang sinonim dengan teori *Asabiyah* daripada Ibn Khuldun di dalam kitab “*Muqaddimah*”nya adalah sebuah aliran pemikiran asli dan menjadi pegangan utama beliau dalam falsafah politik kepartian seperti mana yang di anjurkan oleh Ibn Khuldun iaitu *asabiyah* adalah satu kenyataan yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan manusia. Ketiga, falsafah politik kepimpinan dan pentadbiran ini menyentuh tentang kepimpinan negara Islam seperti yang telah disarankan oleh El-Muhammady hasil idealisme Imam al-Mawardi dan al-Ghazali dalam kitab klasiknya yang menjadi rujukan utama ahli sunni yang muhtabar berkenaan perkara-perkara seperti soal kepimpinan dan pemerintahan. Muhammad Uthman El-Muhammady sebenarnya menghuraikan perkara ini dalam konteks seorang pemikir dan intelektual Islam dan bukannya sebagai pakar dalam bidang pentadbiran dan pemerintahan.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Awang. (2005). Hak dan Tanggungjawab Politik pelbagai Kaum dalam Sesebuah Negara. *Malaysia Sebuah Negara Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Abu al-Hasan Aliy Muhammad. (1993). *Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Wa Al-Wilayah Al Diniyyah* (Terj: Uthman bin Hj. Khalid). Institut Pengajian Islam Traditional: Kuala Lumpur.
- As-Sheikh Hj Nooh Gadot. (2005). Ulii Amri: Takrif dan Konsep. *Malaysia Sebuah Negara Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Azzam Tamimi. (1999). The Obstachles Facing Transition to Democracy in the Contemporary Arab World. *Symposium on Islam and Democracy*, Istanbul 27-29hb November 1998.
- Ismail Mina Bin Ahmad. (Pengerusi Gerakan Pembela Ummah, (UMMAH), dalam temu bual dengan penulis, 6 March 2017.
- Kamarudin Haji Salleh. (2006). Politik Melayu: Konsep ‘Negara Islam’ UMNO dan PAS. *Islamiyyat*, Vol. 28, Pp: 79-107.
- Ku Azman Ku Abas. (2010). *Demi Allah Malaysia Bukan Negara Sekular-Dr.Uthman El-Muhammady*, diakses di <http://www.umnoonline.my/2010/07/17/demi-allahmalaysiabukannegarasekular-dr-uthman-el-muhammadi/> pada 7 Julai 2016.
- Md. Shahjehan Mamin. (2016). Ihsan Amalan Rasulluah Gagal Dihayati. Jabatan Penerangan Malaysia. Di akses pada 25 Januari 2017 di

<http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/kolumnis/20605-ihsan-amalanrasulullahgagal-dihayati>

- Mohd Amin Hashim. (Bendahari Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia, (MUAFAKAT), dalam temu bual dengan penulis, 7 March 2017.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali, Mahazan bin Abdul Mutalib@Taib & Ahmad Najaa Mokhtar. (2010) Etika Kepimpinan Menurut Pandangan al-Mawardi Menerusi Buku al-Ahkam al-Sultaniyah wa al-Wilayat al-Diniyyah. *Proceeding International Conference on Islamic Leadership 2*.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. (2017). Pengamalan Demokrasi di Dunia Islam menurut Perspektif Islam. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, Vol. 10, hlm:17-34.
- Mohd. Kamal Bin Omar. (Pengerusi Tetap Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia, (MUAFAKAT), dalam temu bual dengan penulis, 16 April 2018.
- Muh. Zulkarnain Mubhar. (2010). *Perkembangan Politik Dinasti Abbasiya (Perkembangan Praktek Politik dan Pemikirannya)*.
- Muhammad Hamidullah. (1983). *Introduction to Islam*. Lahore: Kitab Publishing House, hlm: 104.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (1988). *Islam: Peribadi, tarbiah dan institusi*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2001). Pemilihan dan Kepimpinan dari segi politik dan dakwah. *Seminar Etika dan Budaya Berpolitik dari perspektif Islam*, Pada 25-26 September 2001, di Kuala Lumpur.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2002) *Tradisi Keilmuan Melayu-Satu Renungan*
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2002:2). Pentadbiran Negara Islam (Dar-al Islam) menurut al-Mawardi. *Seminar Memahami Malaysia sebagai Sebuah Negara Islam*, pada 17-18 September 2002 di Shah Alam, Selangor.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2002:3). Keperihatinan orang ramai dalam efektif governan mengikut perspektif Islam. *Seminar Efektif Governan Menurut Perspektif Islam peringkat kebangsaan*, pada 29 ogos 2002 di Subang Jaya.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2003). Tok Kenali of Kelantan His Life and Contribution. Di akses pada 9 November 2016 di [http://www.oocities.org/traditionalislam/articles\\_by\\_UEM.htm](http://www.oocities.org/traditionalislam/articles_by_UEM.htm)
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2003:2). Islam dalam Pemikiran Melayu. *Simposium Jati Diri Melayu*, Pada 31 Mei 2003. Kuala Lumpur.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2003:3). Agama: Pembentuk Pertembungan Peradaban? Dalam A. Aziz Deraman dan Rohani Zainal Abidin, *Globalisasi dan Peradaban di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2004). Ketua Negara Islam: Tugas dan Peranan. *Konsep dan Peranan Ulil Amri* (Edt: Abdul Monir Yaacob & Suzalie Mohammad). Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2004:2). Knowledge Society and Quality of Life – An Islamic Perceptive. Di akses pada 9 November 2016 di [http://www.homeolibrary.com/New\\_2013/UthmanElMuhammady/KnowledgeSociety\\_y&QualityOfLife.htm](http://www.homeolibrary.com/New_2013/UthmanElMuhammady/KnowledgeSociety_y&QualityOfLife.htm)
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2005). Kesesuaian Undang-Undang Islam dengan Masyarakat Majmuk: Kes Malaysia. *Malaysia Sebuah Negara Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.

- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2006). Interaksi Pelbagai Tamadun. *Seminar Islam Hadhari dan Pembangunan Ummah Peringkat Kebangsaan*, Pada 24-26 Mac. Kuala Lumpur.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2007). *Akal Ubudiah Bagaimana Menjayakannya: Beberapa Catatan Awal*. Kuala Lumpur: MUAFAKAT.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2012). *Gerakan Kebangsaan Malaysia Yang Tidak Bercanggah dengan Konsep Asabiyyah*. Kuala Lumpur: Muafakat.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2014). *Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama'ah Sebuah Huraian dari Perspektif Sejarah dan Konsep*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2014:2). Pimpinan dalam Islam. *Demokrasi dan Dunia Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. Hlm 207-222.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2011:7). *Ciri-ciri Kefahaman negara Bangsa mengikut Visi Pengarang Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: MUAFAKAT.
- Nor Rashidi Bin Haris. dalam temu bual dengan penulis, 16 April 2018.
- Norshahril Saat. (2014). The Ulama, Thought-styles, and the Islamic State Debate in Contemporary Malaysia. *Studia Islamika: Jurnal for Islamic Studies*, Vol. 21, No. pg. 74-46.
- Ozay Mehmet. (1990). *Islamic Identity and Development-Studies of the Islami Periphery*. Routledge: London-New York.
- Radin Soenanrno. (1960). Malay Nationalism 1900-1945. *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 1, No. 1, Mac 1960, Pp: 7-8.
- Risminawati & Muhammad Iqbal Arrosyad. (2013). Analisis Penanaman Pendidikan Karakter 4 Sifat Nabi 'Saft' Pada Buku Siswa Kelas 4 Tema! 'Indahnya Kebersamaan' Kurikulum. *Prosiding Seminar Nasional*